

Atur Cara Majlis

- 11:00 pagi - Ketibaan Pelajar & Staf
- 11:20 pagi - Ketibaan Tetamu Jemputan
- 11:40 pagi - Ketibaan Dif-Dif Kehormat
- 11:45 pagi - Ketibaan YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- 11:50 pagi - Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis
- 12:00 tghari - Ketibaan YAB Perdana Menteri Malaysia
- Nyanyian Lagu Negaraku & WAWASANKU
- Ucapan Aluan oleh YBhg Naib Canselor UniMAP
- Ucapan Perasmian YAB Perdana Menteri Malaysia
- Gimmik Perasmian
- Penyampaian Sumbangan Baucer Buku Kepada Pelajar
- Penyampaian Cenderahati
- Lawatan Ke Pameran & Perpustakaan
- Jamuan Tengahari
- 01:30 ptg - YAB Perdana Menteri Malaysia Meninggalkan Majlis
- YAB Menteri Besar Perlis Meninggalkan Majlis
- Majlis Bersurai

Penghargaan

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Dengan segala sukacitanya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

Jabatan Perdana Menteri Malaysia
 Pejabat Menteri Besar Perlis
 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
 Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
 Unit Protokol Kerajaan Negeri Perlis
 Polis DiRaja Malaysia
 Jabatan Kerja Raya Perlis
 Universiti Teknologi MARA
 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
 Kolej Komuniti Arau
 Kolej Matrikulasi Perlis
 Media Elektronik & Cetak
 Warga UniMAP
 Serta

semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan

**MAJLIS PERASMIAN
 KAMPUS INDUK UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Terima Kasih



Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
www.unimap.edu.my




Majlis PERASMIAN Kampus Induk UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

03 Mac 2013

Disempurnakan oleh:

**YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
 Perdana Menteri Malaysia**





YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Misi

Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara

Visi

Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa

Nilai Teras

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis mempunyai matlamat menghasilkan siswazah kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan dan perniagaan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan dan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program pengajian, pelajar turut dibekali kemahiran pengurusan, ilmu perakaunan, kemahiran keusahawanan, kemahiran berkomunikasi dan kursus kokurikulum tanpa mengesampingkan aspek pembangunan sahsiah. Pendekatan ini bertujuan melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang diikuti mereka, malah berupaya berdikari di samping mempunyai sifat mulla lagi terpuji.



UniMAP SEPINTAS LALU

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis dan Naib Canselornya yang pertama telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus tetapnya yang tersergam indah di Pauh Putra selain kampus di Sungai Chuchuh.

Pengambilan sulung siswa/i nya pada 20 Jun 2002 hanya berjumlah 119 orang dan kini UniMAP telah mempunyai seramai 8,322 orang pelajar diploma dan pelajar ijazah pertama (233 orang daripada mereka adalah pelajar antarabangsa), sebanyak 530 orang penuntut ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Untuk melaksana tanggungjawabnya, UniMAP melantik sebanyak 866 orang staf akademik (tetap dan kontrak) dan 1,121 orang staf bukan akademik (tetap dan kontrak). Pada masa ini, UniMAP menawarkan 6 program diploma kejuruteraan, 21 program sarjana muda kejuruteraan, 5 program ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan dan 2 program ijazah sarjana muda perniagaan, di samping menawarkan pelbagai program pascaijazah kejuruteraan. UniMAP juga turut menawarkan program MBA (Pengurusan Kejuruteraan).

UniMAP telah melepasi fasa 1 (2008-2010) dalam penetapan strateginya iaitu mengekalkan kedudukan sebagai universiti berfokus dalam kelompok teratas universiti yang dikategorikan sebagai 'memuaskan'. Mulai 2011 hingga 2015, universiti ini telah memasuki fasa kedua Pelan Strategik UniMAP iaitu fasa pemantapan dan pemerksaan bagi jangka masa lima tahun yang memerlukan komitmen seluruh warganya ke arah mencapai matlamat menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020. Keterlihatan Antarabangsa yang Menyerlah pada 2015 merupakan arah dan haia tuju baru UniMAP sehingga menjelang fajar 2015. Dengan bidang akademik menjadi fokus utama, UniMAP terus menyuburkan budaya

penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk dan pada masa sama memartabatkan bidang sukan dan kesenian di kalangan staf dan pelajarannya.

Dalam usia UniMAP yang kini mencecah sedekad, pelbagai kejayaan gemilang dan pengiktirafan telah berjaya diraih sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan, sosial dan kebudayaan. Dalam laporan Malaysian Qualifications Agency (MQA), UniMAP dikategorikan sebagai universiti yang "cemerlang" atau Tier 5 mengikut Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA '11) berbanding dengan tahap "sangat memuaskan" pada tahun 2009. Bagi Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA) pula, UniMAP diberi penarafan "cemerlang" iaitu tier 5. Dari segi penyelidikan, mengikut Malaysia Research Assessment (MyRA), UniMAP mendapat tiga bintang dan berada di kedudukan 10 universiti terbaik termasuk universiti-universiti penyelidikan (RU) atau di tempat ke-8 daripada 20 buah IPTA.

Bagi aspek pembudayaan kualiti, UniMAP dianugerahi sijil MS ISO 9001:2008 bagi skop pensijilan Pemberian Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang ditawarkan secara sepenuh masa. Selain itu, UniMAP juga dianugerahi sijil OSHAS 18001:2007, MS 1722:2005 dan yang terbaru pada Februari 2013 UniMAP telah dianugerahi Sijil ISO/IEC 17025:2005 oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) bagi dua makmal kejuruteraan Bahan dan Alam Sekitar. Dengan penganugerahan sijil ini makmal Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan diiktiraf dalam menjalankan ujian mekanikal. Manakala makmal Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar diiktiraf dalam menjalankan ujian kimia dan mekanikal. UniMAP juga meraih Anugerah Keusahawanan Malaysia bagi kategori Persekitaran Kondusif Keusahawanan.

Semoga tujahan usaha akan lebih diperkasakan agar harapan menjadi tindakan dan segala tindakan diolah menjadi kecemerlangan ke arah memartabatkan kedudukan UniMAP di persada dunia.

Setinggi-tinggi Penghargaan Dan Ucapan Terima Kasih
Di Atas Kesudian Menyempurnakan Majlis